

09/10/1997

Media asing melampau: Khalil

KUANTAN, Rabu - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menyifatkan cubaan beberapa media asing untuk menyingkirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai perbuatan yang melampau.

"Mereka tiada hak untuk berbuat demikian kerana Dr Mahathir dipilih dalam proses demokrasi. Mereka juga tidak wajar campur tangan dalam politik negara ini.

"Sebenarnya, mereka tidak boleh membuat cadangan langsung mengenai kedudukan Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tanah negeri, di sini, hari ini.

Menurut Mohd Khalil, sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir mendapat mandat besar dalam pilihan raya lalu.

Beliau turut mengulangi ikrar kerajaan negeri, Umno dan Barisan Nasional Pahang untuk terus memberi sokongan penuh kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

(END)